

03/09/2003

Skwad bowling ikrar cari hadiah buat PM

Haryani Ngah

IKRAR mencari kemenangan sebagai hadiah persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi inti pati perjuangan skuad negara pada Kejohanan Bowling Dunia Ke-15 pada 11-20 September ini, di Pyramid Megalanes, Bandar Sunway.

Cabaran skuad negara kali ini dipikul oleh 12 pemain membentuk pasukan lelaki dan wanita kita yang membolot kedua-dua pingat emas di Kejohanan Berpasukan Dunia, di Odense, Denmark, Februari lalu.

Janji memburu kejayaan pada majlis penyerahan tajaan RM200,000 Sri Jentayu Sdn Bhd kepada Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC) itu diharap melengkapkan kecemerlangan bowling negara, sekalipun cabaran di Pyramid Megalanes lebih getir kerana mempertaruhkan acara dan peraturan berbeza.

Daripada 12 pemain itu enam daripada mereka adalah pemain lelaki iaitu Azidi Ameran, Zulmazran Zulkifli, Jonathan Lim, Ben Heng, Alex Liew dan David Lim.

Sambil skuad wanita dianggotai Shalin Zulkifli, Sarah Yap, Sharon Chai, Wendy Chai, Lai Kin Ngoh dan Choy Poh Lai.

Skuad lelaki dan wanita negara itu akan dibimbing jurulatih kebangsaan, Halloway Cheah bersama Chris Botson dan Richard Lai dilantik sebagai pengurus pasukan ke kejohanan itu.

Pengumuman skuad negara itu turut menyaksikan dua pemain muda negara, Zandra Aziela Ibrahim dan Nadri Mohd Nor terkeluar.

Sekalipun tidak terpilih, Zandra dan Nadri tetap menjalani latihan seperti biasa bersama pemain lain kerana mereka berdua diletakkan sebagai pemain simpanan.

Zandra yang menuntut di tingkatan lima Sekolah Menengah Convent, Kajang menunjukkan prestasi membanggakan sejak akhir-akhir ini termasuk mendapat tempat pertama bagi kategori master pada perlawanan ujian Pra Piala Dunia, Julai lalu yang membabitkan semua pemain kebangsaan.

Nadri pelajar Pra Universiti Sekolah Sukan Bukit Jalil pula mempamerkan aksi cemerlang dengan memenangi emas bagi kategori individu dan berpasukan Kejohanan Sekolah-sekolah Asia di Pulau Pinang, April lalu.

Penyenaraian akhir pemain itu disahkan Setiausaha Kehormat, Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC), Sidney Tung selepas majlis penerimaan cek daripada penaja utama Sri Jentayu Sdn Bhd.

Pada majlis berkenaan, MTBC yang diwakili Presidennya, Datuk P S Nathan menerima cek berjumlah RM200,000 daripada Pengarah Urusan Sri Jentayu, Zakaria Hussain dan syarikat berkenaan adalah penaja korporat utama untuk kejohanan itu.

Manakala Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Majlis Sukan Negara (MSN) menjadi penyumbang terbesar berjumlah RM350,000.

Sementara itu, Halloway ketika diminta mengulas prestasi pemain berkata bahawa dia berpuas hati kerana setiap pemain menunjukkan peningkatan sehingga menyukarkannya untuk membuat senarai akhir pemilihan itu.